

Headline	Pekerja, majikan harus ambil iktibar		
MediaTitle	Harian Metro (Sabah and Sarawak)		
Date	27 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3,028
Page No	4	Readership	9,084
Language	Malay	ArticleSize	303 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norasikin Daineh	AdValue	RM 7,163
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,490



MAHFUZ (kiri) ketika melawat gerai pameran selepas merasmikan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pertanian, Perikanan dan Perhutanan 2019, semalam.



# Pekerja, majikan harus ambil iktibar

■ 247 kes kemalangan bagi sektor pertanian, perikanan dan perhutanan disiasat JKPP

**Norasikin Daineh**  
norasikin\_daineh@NSTP.com.my

#### Kota Kinabalu

**S**ebanyak 247 kes kemalangan pekerjaan bagi sektor pertanian, perikanan dan perhutanan disiasat Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sepanjang Januari hingga Mei tahun ini.

Jumlah itu membabitkan 10 kes atau 3.6 peratus siasatan kemalangan maut manakala 33 kes siasatan penyakit dan keracunan pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, antara kes maut direkodkan adalah terjatuh dari traktor, terkena renjatan elektrik, terkena sabit pemotong sawit, terhadu gas beracun ketika menjalankan kerja di ruang

terkurung dan lain-lain lagi.

“Menerusi kes itu, pekerja dan majikan harus mengambil iktibar terhadap kemalangan dan penyakit pekerjaan yang berlaku dalam sektor ini serta berusaha bagi mengelak tragedi sama berulang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pertanian, Perikanan dan

Perhutanan 2019, semalam.

Mahfuz yang juga Pengurus Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berkata, berlaku penurunan kadar kemalangan di tempat kerja dan kemalangan maut bagi tahun lalu berbanding 2017.

“Kadar kemalangan di tempat kerja pada 2018 adalah 2.40 daripada 1,000 pekerja berbanding 2.93 daripada 10,000 pekerja pada 2017,” katanya.